



# BAB 7

Urus Tadbir Wilayah

# 7

## URUS TADBIR WILAYAH

### 7.1 Urus Tadbir Konurbasi Nasional

Pertumbuhan WKN yang dinamik kini memerlukan satu skala perancangan dan pengurusan yang bersepadu dan mampan. WKN mengalami pertumbuhan penduduk dan pembangunan perbandaran yang pesat sejak lebih daripada dua (2) dekad yang lalu. Perkara ini telah menghasilkan kawasan perbandaran yang meluas serta penampilan beberapa kawasan atau pusat-pusat ekonomik tempatan. Dengan teknologi komunikasi dan sistem pengangkutan yang semakin bertambah baik dan bersepadu, mobiliti penduduk kini tidak terbatas dan aliran barangan, modal dan maklumat semakin meningkat.

Pautan ekonomi antara pusat bandar dengan pusat bandar serta antara pusat bandar dengan kawasan pinggir bandar semakin menjadi rapat di mana terdapat kebergantungan kukuh antara satu sama lain yang merupakan ciri utama dalam pembentukan dan kemunculan sebuah konurbasi. Ini bermakna wilayah ini saling bergantung dan berkongsi pelbagai sumber dalam menampung kependudukannya yang tinggi.

Walau bagaimanapun WKN mempunyai 12 sempadan bidang kuasa kerajaan tempatan termasuk Perbadanan Kampong Bharu (PKB) dan pertumbuhan perbandaran yang agresif dan dinamik, maka satu bentuk pengurusan yang rasmi atau tidak rasmi diperlukan untuk menyelaraskan pembangunan di setiap kawasan pentadbiran yang berbeza ini. Pengurusan ini juga bagi menjalankan beberapa fungsi bersama bagi menangani kekangan semasa, selaras dengan aspirasi ia menjadi satu konurbasi yang mampan.

Ini termasuklah fungsi bersama untuk menangani agenda kualiti alam sekitar, penyediaan perkhidmatan yang lebih cekap dan saksama dan perkongsian kos dalam pembangunan infrastruktur dan tanggungjawab bersama bagi memastikan WKN menjadi satu konurbasi yang sejahtera dan berdaya tahan.

Selain dari menyelaras fungsi dan bidang bersama, urus tadbir WKN perlu mengengahkan model pengurusan yang dinamik bagi melaksanakan projek-projek yang merentasi sempadan yang dikenal pasti dalam laporan ini seperti pengurusan lembangan sungai, pengurusan zon pesisir pantai, rangkaian rel serantau dan sebagainya.

Urus tadbir melalui perkongsian bijak tanpa mengenyepikan bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan juga pihak

berkuasa negeri adalah antara model pengurusan yang boleh diketengahkan terutamanya bagi melaksanakan projek-projek berorientasikan ekonomi bandar seperti membangunkan Pusat Kecemerlangan bagi kluster pelancongan, pendidikan, komersial, logistik, industri pembuatan dan ICT. Perkongsian bijak dan model pengurusan yang dinamik dapat memastikan kesemua pihak berkuasa tempatan dan negeri dalam WKN dapat mengecapi kemakmuran dan kesejahteraan bersama.

## Urus Tadbir WKN yang Bersepadu dan Mampan Diperlukan bagi Menangani Pelbagai Fenomena Perbandaran



Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

### 1. Pertumbuhan Pesat

WKN mengalami pertumbuhan perbandaran sebanyak 96.4% dengan penduduk seramai 7.2 juta pada tahun 2015 dan ini di jangka akan menjadi 97.6% dengan penduduk seramai 10.9 juta menjangkau tahun 2040.

### 2. Penampilan Bandar Bandar Sekunder

Perbandaran juga telah menyebabkan penampilan bandar-bandar sekunder yang berperanan sebagai pusat ekonomi luar daripada pusat bandar semasa.

### 3. Pola Komuter dan Kawasan Ekonomi

#### Tempatan Yang Berubah

Walaupun sempadan kuasa stabil dan tidak berubah, namun corak komuter dan kawasan ekonomi tempatan sentiasa berubah. Ini mempengaruhi watak kawasan, parameter untuk perancangan yang berkesan, penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ekuiti.

### 4. Pusat Ekonomi Negara

Lebih daripada 38% (Tahun 2015) daripada KDNK Negara adalah terhasil di WKN ini dan potensi ini harus diterokai di peringkat tempatan dan juga pada seluruh konurbasi.

### 5. Keperluan Perumahan, Infrastruktur, Kemudahan dan Perkhidmatan Awam

## 7.2 Bidang Persamaan WKN

WKN mempunyai pelbagai perkara yang boleh dilihat sebagai aspek persamaan yang memerlukan perhatian bersama semua pihak yang mentadbir urus kawasan konurbasi ini. Aspek-aspek ini adalah antara senarai minima yang penting bagi meningkatkan tahap kualiti alam bina dan kualiti alam sekitar WKN serta meningkatkan efisiensi dalam pengurusan dan penyelenggaraan konurbasi dan memberi akses serta ekuiti pada semua penduduk WKN.

### Lima (5) Perkara Mencetus Rangka Kerja Konurbasi Wilayah



Perancangan & Pembangunan Strategik & Bersepadu Wilayah

Perancangan di peringkat Negara (RFN Ke-3), peringkat negeri (Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 & Rancangan Struktur Kuala Lumpur 2020 & Rancangan Struktur Putrajaya 2025) dan Rancangan Tempatan Daerah di dalam WKN yang menggariskan perancangan strategik bagi Konurbasi Nasional / Greater KL / koridor Lembah Klang dalam aspek spatial khususnya.



Perkongsian Sumber

Kepelbagaian sumber iaitu aset semula jadi di WKN seperti sumber air, sumber tenaga, kawasan hutan, sungai dan badan air yang merentasi sempadan pentadbiran secara fizikal dan secara bukan fizikal seperti penggunaan aset yang dikongsi bersama.



Pembangunan Ekonomi Wilayah

Pembangunan Ekonomi Wilayah iaitu Greater Kuala Lumpur sebagai satu koridor pemangkin ekonomi negara yang merangkumi Sembilan (9) projek pemangkin permulaan (*Entry Point Project-EPP*) dalam mencapai wilayah metropolis serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar bertaraf dunia.



Agenda Khusus Bersama

Agenda peringkat negara dan peringkat kebangsaan seperti Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Transformasi Nasional 50, *Community Economic ASEAN*, Pertubuhan Segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), Agenda Perbandaran Baharu (*NUA-New Urban Agenda*), *Sustainable Development Goals* (SDG) dan sebagainya.



Penghantaran Perkhidmatan Bersama

Penghantaran perkhidmatan seperti tenaga kerja, perkhidmatan pengangkutan, utiliti dan infrastruktur yang merentasi sempadan daerah dan sempadan pentadbiran.

## 7.3 Pelarasan Urus Tadbir Dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan WKN Untuk Mencapai Kemakmuran Bersama

WKN sebagai sebuah wilayah yang dinamik mempunyai pelbagai pihak berkepentingan yang mengurus dan mentadbir pelbagai aspek yang penting dalam membentuk satu konurbasi yang mampan dan sejahtera. Pihak berkepentingan ini terdiri daripada kerajaan, agensi-agensi di peringkat negeri, pihak berkuasa perancangan tempatan, agensi-agensi di peringkat persekutuan dan juga pihak swasta.

WKN boleh memainkan peranan yang penting dalam mengurus dan mentadbir kawasan wilayah ini dan peranan ini boleh membantu dalam mentransformasikan urus tadbir pembangunan bandar kawasan.

Laporan WKN telah mengenal pasti beberapa projek yang merentasi sempadan pihak berkuasa tempatan dan negeri dalam WKN dan di luar WKN. Cadangan-cadangan ini perlu diurus tadbir dengan baik bagi menghindarkan persaingan yang tidak sihat, ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi bandar yang lebih serius, ketidakcukupan penyediaan perumahan dan fasiliti masyarakat serta mobiliti modal insan yang tidak terkawal.

Pengurusan melalui perkongsian bijak diantara pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa negeri serta syarikat-syarikat kerajaan negeri mengikut bidang kuasa serta akta penubuhan masing-masing dapat memastikan pertumbuhan mampan dan kemakmuran bersama dicapai. Cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam laporan WKN diringkaskan seperti berikut:

### 1. Pengwujudan Kluster Kecemerlangan

Kluster kecemerlangan merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi wilayah. Enam (6) kluster kecemerlangan telah dikenal pasti iaitu kluster pelancongan, kluster pendidikan, kluster logistic, kluster industry pembuatan, kluster komersial dan kluster ICT. Pewujudan kluster-kluster ini memerlukan urus tadbir yang bersepadu dan bijak diantara pihak berkuasa kerajaan tempatan dan negeri bagi memastikan setiap pihak berkuasa tempatan mendapat peluang yang seimbang berdasarkan kekuatan sumber dan keperluan masing-masing.

### 2. Pusat Bandar Sebagai Penjana Ekonomi Utama

Sebanyak 40 bandar dikenal pasti untuk diperkukuhkan sebagai penjana ekonomi utama. Fungsi setiap bandar ini perlu diperincikan tanpa mengkompromi sistem polycentric tanpa sempadan sedia ada. Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan disarankan untuk mengkaji fungsi bandar dan saling kebergantungan antara bandar dan sub-bandar dengan lebih terperinci.

Cadangan sistem bandar perlu dibentangkan di peringkat wilayah bagi memastikan pelarasan dapat dilaksanakan. Persetujuan bersama di antara semua PBT dan agensi berkaitan perlu dicapai sebelum mana-mana rancangan pembangunan diwartakan.

### 3. Kebergantungan Antara Bandar dan Sub-bandar

Bagi mengekalkan system polycentric sedia ada, ketidakseimbangan pembangunan bandar dan sub-bandar perlu dikurangkan dan empat (4) pendekatan telah disarankan iaitu

(a) pembaharuan semula bandar (b) perancangan intensiti kawasan bandar (c) peningkatan tahap kemudahsampaian (d) pengekalan aset semula jadi dan mempromosi produk pelancongan sub bandar.

Penerapan dan penterjemahan saranan Laporan WKN ke dalam rancangan pembangunan fizikal negeri dan tempatan perlu dibentang di peringkat wilayah bagi persetujuan semua PBT dan jabatan berkaitan yang terdapat dalam WKN. Kaedah ini akan memberi peluang kepada semua agensi perancangan dan pelaksana untuk sama-sama mempertimbangkan pembangunan mengikut kekuatan dan keistimewaan sesuatu bandar dan sub bandar tanpa mengeneipkan potensi bandar dan sub-bandar yang baru dan sedang menonjol.

#### 4. Integrasi Spatial, Fungsi Dan Kerjasama Di Antara Wilayah Bersempadanan

Wilayah-wilayah yang terletak bersempadan dengan WKN seperti Malaysia Vision Valley, Utara Selangor, Perak Selatan serta Pahang Barat mempunyai rancangan pembangunan wilayah tersendiri yang boleh mempengaruhi pola perbandaran dan sistem ekonomi bandar. Kesinambungan pembangunan antara wilayah-wilayah ini memerlukan satu sistem kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan PBT yang bersempadan dengan WKN. Kerjasama ini penting bagi memastikan integrasi spatial dan fungsi antara wilayah dapat dipertingkatkan secara bersama.

#### 5. Pelan Induk Central Forest Spine

Penyediaan Pelan Induk Central Forest Spine bagi mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dijadikan koridor ekologi bagi menghubungkan kompleks hutan yang terpisah. Sebanyak 12 hutan simpan kekal yang terpisah telah dicadangkan untuk dihubungkan bagi membentuk koridor hijau. Landskap di sepanjang jalan serta penubuhan rizab sungai adalah antara inisiatif untuk pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di WKN.

#### 6. Pengurusan Lembangan Sungai

Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Buloh, Lembangan Sungai Langat dan Sungai Sepang merentasi sempadan wilayah. Oleh itu, kerjasama antara PBT serta jabatan-jabatan yang berkaitan adalah amat penting bagi pengurusan yang efisien bagi mengelakkan bencana banjir.

#### 7. Pengurusan Zon Persisiran Pantai

Pesisir pantai WKN merupakan Zon Pembangunan Persisiran Pantai dimana aktiviti pembangunan yang dibenarkan hanya boleh dilaksanakan di kawasan pesisir 5km ke darat dan laut. Zon Pembangunan Persisiran Pantai di WKN melibatkan beberapa PBT yang mana penyelarasan perlu dilaksanakan bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang seragam.

#### 8. Penyediaan Kemudahan Perumahan, Kesihatan Dan Persekitaran Bandar

WKN merupakan pusat perbandaran yang menjadi tumpuan aktiviti ekonomi dan menjana mobiliti dinamik penduduk, pekerja, pelabur dan pelancong antara daerah, negeri dan juga luar negara. Ini menyebabkan penyediaan kemudahan utama iaitu perumahan, kesihatan dan persekitaran bandar menjadi tanggungjawab bersama antara PBT serta kerajaan negeri yang terletak bersempadanan agar kemudahan dapat disediakan dengan kualiti yang seragam.

### 9. Peningkatan Akses Kepada Perkhidmatan Infrastruktur

Penyediaan perkhidmatan pengangkutan merentasi sempadan. Kesalinghubungan di awal dan akhir perjalanan yang baik harus dipertingkatkan bagi menarik lebih ramai pengguna bagi mencapai sasaran modal split dan mengurangkan pengeluaran karbon.

### 10. Pembangunan Infrastruktur Untuk Integrasi Global Dan Serantau

Sistem perhubungan dan akses yang mempunyai ketersambungan yang komprehensif dan luas adalah penggerak kemakmuran ekonomi yang berterusan dan berdaya tahan. Ini membolehkan pergerakan barangan dan mobiliti penduduk yang selamat, cepat dan berdaya harap. Terutamanya merentasi bandar, luar bandar, wilayah serta pada peringkat antarabangsa.

Oleh itu, rancangan pembangunan yang melibatkan lapangan terbang, pelabuhan, sistem rel serantau, lebuh raya bagi meningkatkan ketersambungan wilayah dan tempatan perlu dibincang dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam WKN seperti PBT, agensi perancangan dan pelaksana serta Kerajaan Negeri.

### 11. Pembangunan Infrastruktur Mampan Dan Berdaya Tahan

Penyediaan bekalan air, bekalan elektrik, pengurusan kawasan berisiko bencana merentasi sempadan. Oleh itu, perlu ada kesinambungan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan di antara PBT, agensi berkepentingan serta Kerajaan Negeri

## 7.4 Rangka Kerja Urus Tadbir WKN

Rangka kerja urus tadbir WKN perlu mengambil kira fungsi utama WKN iaitu menyelaras dan memastikan tanggungjawab bersama dicapai di antara semua pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri dalam perancangan dan pembangunan bersepadu wilayah, perkongsian sumber, agenda khusus bersama dan penghantaran perkhidmatan bersama.

Oleh itu, spektrum urus tadbir WKN perlu menjangkau bidang kuasa perancangan dan mencakupi aspek pelaksanaan dan pemantauan terutama dalam perkongsian sumber, agenda khusus dan perkongsian bersama. Walau bagaimanapun, struktur urus tadbir perancangan dan pembangunan sedia ada perlu dikaji sebelum bentuk, rangka dan fungsi urus tadbir WKN dicadangkan.

### 1. Sistem Perancangan

Dari segi sistem perancangan, pengwujudan WKN dan fungsinya adalah amat jelas sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 6A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memberi punca kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Wilayah bagi sesuatu wilayah yang terdiri daripada satu kawasan yang terletak dalam dua negeri atau lebih. Jawatankuasa Perancangan Wilayah berada dihierarki kedua dalam sistem perancangan selepas Majlis Perancang Fizikal Negara di peringkat nasional yang membolehkan Jawatankuasa ini menasihati dan menyelaras pembangunan aset dan agenda bersama di antara dua (2) negeri.

Dalam kes WKN, Jawatankuasa Perancangan WKN perlu mengambil kira perbezaan struktur pentadbiran dan proses perancangan di antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya agar perkongsian dan tanggungjawab bersama dilaksanakan dengan mudah dan cepat.

Sistem perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah mengikut peruntukan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) dimana Menteri Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa membuat keputusan setelah dinasihati oleh Lembaga Penasihat Perancangan. Dalam beberapa perkara yang khusus, kuasa membuat keputusan diangkat ke Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu ke Jawatankuasa Dasar dan Strategi Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sistem yang hampir sama diguna di Wilayah Persekutuan Putrajaya dimana Menteri Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa membuat keputusan setelah dinasihati oleh Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya. Sebagai pihak berkuasa perancangan tempatan, Perbadanan Putrajaya mengguna pakai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Di Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merupakan pihak berkuasa tertinggi yang meluluskan apa-apa rancangan dan pelaksanaan pembangunan dalam negeri setelah dinasihati oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri. Walau bagaimanapun, dalam beberapa bidang perancangan bandar, kuasa membuat keputusan diturunkan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri.

Dalam mewujudkan satu jawatankuasa atau organisasi bagi menyelaras perancangan dan pembangunan strategik dan bersepadu WKN adalah amat penting bagi jawatankuasa atau organisasi ini merujuk dan mendapat sokongan penuh dari Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya serta Jawatankuasa Perancangan Negeri yang kemudiannya menasihati Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dalam melaksanakan fungsi ini, WKN perlu diterajui oleh satu perjawatan yang mempunyai bidang kuasa yang tarafnya lebih tinggi dari ahli-ahli Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya serta ahli Jawatankuasa Perancangan Negeri.



### Konteks Nasional

- Aspek perancangan bandar dan desa adalah merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan.
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah mentakrifkan empat (4) peringkat pihak berkuasa perancang seperti berikut:

Empat (4) Peringkat Pihak Berkuasa Perancang



### Konteks Tempatan

- Terdapat 11 pihak berkuasa tempatan di WKN. Yang mana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa selain daripada yang berada di dalam Wilayah Persekutuan, termaktub di dalam senarai negeri dan dengan ini secara langsung ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
- Kerajaan Tempatan memainkan peranan penting dalam meluluskan dan mengawal pembangunan tanah di kawasan pentadbiran mereka, memberi perkhidmatan sanitari serta menjaga dan mengawal kesihatan awam serta menjaga, menyelenggarakan dan membina kemudahan rekreasi, perumahan awam, jalan dan perparitan.



Perlembagaan Persekutuan Malaysia meletakkan kuasa eksklusif mentadbir kerajaan tempatan kepada Kerajaan Negeri



Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

## 2. Sistem Pengurusan Tanah, Perkongsian Sumber dan Penghantaran Perkhidmatan Bersama

Sebagaimana maklum, perancangan fizikal adalah tanggungjawab bersama kesemua tiga peringkat kerajaan dari peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Namun beberapa bidang penting lain seperti pengurusan tanah dan kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Dalam pentadbiran dan pengurusan tanah, pemberian hakmilik, jenis pegangan, guna tanah serta lain-lain perihal tanah termasuk hakmilik strata adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pentadbiran dan pengurusan tanah di peringkat tempatan adalah oleh Pejabat Tanah dan Daerah kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditadbir oleh Pentadbir Tanah dan Galian Negeri (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Walau bagaimanapun, penyelarasan dan penyeragaman pentadbiran tanah masih boleh dicapai melalui Majlis Tanah Negara yang berfungsi membentuk dan mentadbir dasar negara mengenai penggunaan tanah dan berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tentang penyelarasan pentadbiran tanah.

Dalam aspek perkongsian sumber, agenda khusus bersama serta penghantaran bersama pula, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam menggubal dasar dan melaksana projek.

Struktur urus tadbir jentera pentadbiran dan pelaksanaan bagi semua aspek-aspek ini telah tersedia dengan wujudnya majlis-majlis serta jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bagi menggubal dasar, melaksana dan memantau program-program yang dijalankan mengikut aspek-aspek yang berkenaan.

Jadual 7.1 dan Rajah 7.1 menunjukkan beberapa struktur urus tadbir aspek-aspek yang relevan kepada pelaksanaan WKN seperti perancangan dan pembangunan fizikal, pembangunan ekonomi, sekuriti, teknologi hijau dan perubahan iklim.

### 3. Urus Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan

Pentadbiran pihak berkuasa tempatan juga mempunyai struktur urus tadbir yang merangkumi kesemua peringkat dari peringkat persekutuan, negeri dan tempatan walaupun bidang kuasa mutlak pihak berkuasa tempatan adalah di bawah Kerajaan Negeri. Pihak berkuasa tempatan bertanggung jawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan pentadbiran.

Pihak berkuasa tempatan turut bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan dan kawalan pembangunan di dalam kawasan pentadbirannya. Pelarasan fungsi dan dasar pihak berkuasa tempatan di peringkat persekutuan adalah melalui Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Majlis ini ditubuhkan di bawah perkara 95A Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Majlis untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk dasar untuk memajukan, membangunkan dan mengawal kerajaan tempatan. Ini termasuklah penggubalan undang-undang serta perkara-perkara lain yang berhubung dengan kerajaan tempatan.


Jadual 7.1: Senarai Bidang Kuasa Pihak Berkepentingan Utama Konurbasi Wilayah

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

No	Perkara	Fungsi	Bidang kuasa/ Tanggungjawab semasa pihak berkuasa				Peranan Konurbasi
			PBN	PBT	Persekutuan	Swasta	
1	Pengurusan Tanah	Perancangan Tanah Wilayah			/		/
		Perancangan Tanah Tempatan	/	/	/		
		Pembahagian Tanah	/	/			
2	Perumahan Dan Kemudahan Awam	Perumahan	/			/	/
		Perumahan Mampu Milik	/		/	/	/
		Kemudahan Sosial Awam	/	/	/	/	
		Taman Awam & Rekreasi	/	/	/	/	/
		Kemudahan Kebudayaan	/		/		
3	Pendidikan, Kesihatan dan Kebajikan	Pendidikan			/	/	/
		Kesihatan			/	/	/
		Kebajikan Awam	/		/	/	/
		Perkhidmatan Penjagaan			/		
4	Ekonomi Tempatan	Perancangan Strategik Bandar	/		/		/
		Pembangunan Ekonomi	/		/	/	/
		Pengurusan & Promosi Pelancongan	/		/	/	/
		Pelaburan	/		/	/	/
		Lesen Perniagaan	/	/	/		
		Sektor Informal	/	/			
5	Pengangkutan	Sistem Transit/Pengangkutan Awam			/		/
		Sistem Jalanraya dan Aksesibiliti	/	/	/	/	/
		Pelabuhan & Lapangan Terbang			/		/
		Pembersihan Jalan		/			
		Tempat Letak Kereta		/			
6	Alam Sekitar	Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai	/		/		/
		Pengawasan & Pengawasan pesisir Pantai	/		/		/
		Pengawasan & Pengurusan Hutan & Bukit	/				/
		Kualiti Udara dan Air	/				/
7	Sekuriti	Keselamatan Awam	/		/		/
		Pengurusan Trafik		/			
		Perkhidmatan Kecemasan	/		/		/
8	Air, Sisa Pepejal dan Sanitasi	Bekalan Air	/		/		/
		Pengurusan Banjir/Saliran	/	/	/		/
		Pengurusan Sisa Pepejal	/	/	/		/
		Pengurusan Pembentukan			/		/
9	Tenaga	Bekalan Tenaga			/		
10	Lain-Lain	Promosi Acara Utama/ Antarabangsa	/		/	/	/
		Pertanian Tempatan/Urban Farm	/		/		

### Rajah 7.1 : Struktur Urus Tadbir

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



#### 4. Pelaksanaan WKN

Pelaksanaan WKN hendaklah diselaraskan atau diimplementasikan dalam rancangan tempatan atau rancangan kawasan khas.

Cadangan Utama dan Tindakan		Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
<b>Strategi 1: Menggalakkan Pertumbuhan Mampaan Dan Berdaya Saing</b>				
<b>MB1 Memperkukuh Kluster Kecemerlangan Sebagai Pemangkin Bagi Pertumbuhan WKN</b>				
MB1.1	Membangunkan Kluster Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Kuala Lumpur Tourism Bureau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</li> <li>Tourism Malaysia</li> <li>Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia @ Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> </ul>
MB1.2	Mempromosikan Kluster Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</li> <li>Perbadanan Putrajaya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pendidikan Tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Malaysia</li> <li>Kementerian Sumber Manusia</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Pihak Swasta</li> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> </ul>
MB1.3	Membangunkan Kluster Logistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Malaysia Airports Holdings Berhad</li> <li>Pihak Berkuasa Pelabuhan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pengangkutan Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia @ Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi (EPU)</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> <li>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</li> </ul>
MB1.4	Memperkukuhkan Kluster Industri Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia @ Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> <li>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</li> </ul>
MB1.5	Memperkukuhkan Kluster Komersial (Perdagangan dan Kewangan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> </ul>
MB1.6	Membangunkan Kluster Industri Teknologi Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim (MESTECC)</li> <li>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> <li>MIGHT</li> </ul>

Cadangan Utama dan Tindakan		Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
<b>MB2 Memperkukuh Fungsi Pusat Bandar Sebagai Penjana Ekonomi Berdaya Saing</b>				
MB2.1	Memperkukuhkan Daya Saing Bandar Melalui Pelaksanaan Pelan Induk Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>
MB2.2	Mempertingkatkan Fungsi Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>
<b>MB3 Memperkukuh Peranan Sub Bandar Sebagai Sokongan Pembangunan WKN yang Mampan</b>				
MB3.1	Menggalakkan Pembaharuan Semula Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</li> <li>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah</li> </ul>
MB3.2	Menggalakkan Perancangan Berintensiti Mampan di Kawasan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</li> <li>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah</li> </ul>
MB3.3	Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Kawasan Sub Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</li> <li>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah</li> </ul>

	Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
MB3.4	Mengekalkan Aset Semula Jadi dan Mempromosi Produk Pelancongan Sub Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</li> <li>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah</li> </ul>
<b>MB4 Menggalak Integrasi Spatial, Fungsi Dan Kerjasama Di Antara Wilayah</b>				
MB4.1	Memperkukuhkan Perhubungan WKN terhadap Malaysia Vision Valley (MVV)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>PLANMalaysia@Negeri Sembilan</li> <li>PLANMalaysia@Perak</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
MB4.2	Memperkukuhkan Perhubungan WKN bersama bahagian Utara Selangor dan Wilayah Perak Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>PLANMalaysia@Negeri Sembilan</li> <li>PLANMalaysia@Perak</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
<b>MB5 Memperkukuh Sistem Perbandaran dan Corak Pertumbuhan Spatial Wilayah</b>				
MB5.1	Memperkukuhkan Sistem Perbandaran Polycentric WKN Melalui Tier 1 dan Tier 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
MB5.2	Mengenal Pasti Fungsi Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
MB5.3	Mempromosikan Sistem Perbandaran Sebagai Polisi Pembangunan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>PLANMalaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>

Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan	
<b>Strategi 2: Mempertingkatkan Biodiversiti Di Dalam Landskap Bandar</b>				
<b>LB1 Mengurus Bersama Lembangan Sungai</b>				
LB1.1	Melaksanakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> </ul>
LB1.2	Melaksanakan National Water Balance Management System (NAWABS) di Lembangan Sungai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>
<b>LB2 Mengurus Zon Persisiran Pantai</b>				
LB2.1	Melaksanakan Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> </ul>
LB2.2	Melaksanakan Kawasan Tebatan Hakisan Pantai yang Kritika	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> <li>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>
LB2.3	Menyediakan Kajian Susulan Impak Kenaikan Aras Laut ( <i>Coastal Vulnerability Index (CVI)</i> ) bagi Permatang Sedepa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> <li>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>
<b>LB3 Memelihara Zon Penampian dan Taman Bandar serta Membentukkan Lingkaran Hijau yang Bersambung</b>				
LB3.1	Menyelaraskan Garis Panduan Zon Penampian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Jabatan Tanah dan Galian</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>



	Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
LB3.2	Menambahkan Penyediaan Kawasan Hijau dan Rekreasi Melalui Pembaharuan Semula Kawasan Terbiar dan Tidak Aktif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Jabatan Tanah dan Galian</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>
LB3.3	Memelihara Kawasan Sungai Melalui Rangkaian Hijau	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Jabatan Tanah dan Galian</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>
LB3.4	Melaksanakan Konsep Bandar Hijau ( <i>Green City</i> ) bagi Bandar-Bandar di WKN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</li> <li>Jabatan Kerja Raya Malaysia</li> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran</li> <li>Pejabat Tanah dan Daerah</li> </ul>

### Strategi 3: Meningkatkan Kualiti Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar

#### KK1 Menambah baik Kualiti Perumahan Mampu Milik

KK1.1	Menggalakkan Pembangunan Perumahan Pendapatan Bercampur	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>Lembaga Perumahan Negeri</li> <li>Syarikat Perumahan Negara Berhad</li> <li>PR1MA</li> <li>RUMAWIP</li> <li>Persatuan Penduduk</li> </ul>
-------	---	--	--	---

	Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
KK1.2	Meningkatkan Penyediaan Perumahan Generasi Pelbagai ( <i>Multi Generation Homes</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri</li> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri</li> <li>• Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PLANMalaysia@Selangor</li> <li>• Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>• Lembaga Perumahan Negeri</li> <li>• Syarikat Perumahan Negara Berhad</li> <li>• PR1MARumah WIP</li> <li>• Persatuan Penduduk</li> </ul>
KK1.3	Mewujudkan Perumahan Mesra Alam ( <i>Eco-Friendly Homes</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri</li> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>• Kementerian Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>• Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> <li>• Lembaga Perumahan Negeri</li> <li>• PR1MA</li> <li>• Syarikat Perumahan Negara Berhad</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri</li> <li>• RUMAWIP</li> </ul>
KK1.4	Mewujudkan Pembangunan Baharu Bersepadu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri</li> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri</li> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PLANMalaysia@Selangor</li> <li>• Unit Kerjasama Awam Swasta</li> <li>• Pejabat Tanah dan Galian</li> <li>• Badan Bukan Kerajaan</li> <li>• Kementerian Kesihatan Malaysia</li> <li>• Kementerian Belia dan Sukan</li> <li>• Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</li> </ul>
KK1.5	Membangunkan Semula Kawasan / Estet Perumahan Lama dan Meningkatkan Jumlah Kawasan Lapang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>• Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung</li> <li>• Persatuan Penduduk</li> </ul>
KK2	Menggalak Pembangunan Komuniti Inklusif			
KK2.1	Menggalakkan Interaksi dan Penglibatan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PLANMalaysia</li> <li>• Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>

	Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
KK2.2	Mewujudkan Ruang Aktif dalam Kawasan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persatuan Penduduk</li> </ul>
<b>KK3 Menambah Baik Kualiti Persekitaran Hidup Sihat dan Kesejahteraan Bandar</b>				
KK3.1	Menggalakkan Persekitaran Sosial yang Mudah Akses dan Selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Polis DiRaja Malaysia</li> <li>JKR</li> <li>Persatuan Penduduk</li> <li>Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>
KK3.2	Mengintegrasikan Amalan 'Urban Farm' Bagi Menjamin Ekonomi dan Ekosistem Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani</li> <li>Jabatan Pertanian Malaysia</li> <li>Persatuan Penduduk</li> <li>Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>
KK3.3	Menggalakkan Reka Bentuk Aktif di Kawasan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Pengangkutan Awam Negeri</li> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>
KK3.4	Meningkatkan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi yang Berkualiti dan Saksama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Landskap Negara</li> <li>Badan Bukan Kerajaan</li> </ul>

#### Strategi 4: Membangunkan Infrastruktur Inklusif dan Berdaya Tahan

##### IB1 Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Infrastruktur

IB1.1	Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>Keretapi Tanah Melayu Berhad</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>Kementerian Pengangkutan Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
IB1.2	Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)</li> <li>Perbadanan Putrajaya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempata</li> </ul>
IB1.3	Melengkapkan Ketersampaian Melalui Kemudahan Pejalan Kaki dan Basikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>Jabatan Kerja Raya</li> </ul>
IB1.4	Menguatkan dan Memperluaskan Liputan Jalur Lebar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>

Cadangan Utama dan Tindakan		Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
IB1.5	Memperkuhkan Infrastruktur bagi Bandar Pintar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
<b>IB2 Mernpergiat Pembangunan Infrastruktur untuk Integrasi Global dan Serantau</b>				
IB2.1	Memperkuhkan Pelabuhan Pintu Masuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pengangkutan Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Malaysia Airports Holdings Berhad</li> <li>Pihak Berkuasa Pelabuhan</li> <li>Kerajaan Negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi (EPU)</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</li> </ul>
IB2.2	Menggalakkan Pembangunan Sistem Rangkaian Rel Serantau	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pengangkutan Malaysia</li> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>MyHSR Corporation Sdn Bhd</li> <li>Keretapi Tanah Melayu Berhad</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pengangkutan Malaysia</li> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Perancang Ekonomi (EPU)</li> <li>PLANMalaysia</li> <li>Sekretariat Malaysian Vision Valley</li> <li>Pihak Berkuasa Wilayah</li> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
IB2.3	Menambahbaikan Ketersambungan Wilayah dan Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Kerja Raya</li> <li>Jabatan Kerja Raya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Kerja Raya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
<b>IB3 Mernpergiat Pembangunan Infrastruktur Mampan Dan Berdaya Tahan</b>				
IB3.1	Melaksanakan Pengurusan Kecekapan dan Bekalan Air yang Mampan			
	i. Melaksanakan Penggunaan Semula Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Jabatan Pengaliran dan Saliran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan Air Negara</li> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
	ii. Melaksanakan Pengambilan Sumber Air Mentah Alternatif Daripada Kolam (Tasik dan Bekas Lombong)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> <li>Jabatan Alam Sekitar Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
	iii. Menggalakkan Pengabstraksi Air Bawah Tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> <li>Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</li> <li>Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Jabatan Alam Sekitar Malaysia</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>

	Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
	iv. Melaksanakan Program Pengurangan Air Tidak Berhasil Secara Holistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan Air Negara (SPAN)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli</li> <li>Perkhidmatan Air Negara (SPAN)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
	v. Meningkatkan Kecekapan Rawatan Air Sisa dan Pembetulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Indah Water Konsortium Sdn Bhd</li> <li>Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Pembetulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
IB3.2	Mengintegrasikan dan Memperkukuhkan Pengurusan Sisa Pepejal yang Mampan			
	i. Melaksanakan Pengasingan Sisa di Punca Dengan Mewujudkan Kemudahan Kitar Semula di Peringkat Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara</li> <li>Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
	ii. Melaksanakan Aktiviti Pemulihan Nilai Sisa Pepejal Perbandaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara</li> <li>Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
IB3.3	Meningkatkan penggunaan Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebagai Sumber Tenaga Alternatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sustainable Energy Development Authority Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@ Selangor</li> <li>Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
IB3.4	Menggalakkan Pembangunan Bandar Hijau dan Rendah Karbon			
	i. Menyediakan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia</li> <li>Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>Sustainable Energy Development Authority of Malaysia</li> </ul>

Cadangan Utama dan Tindakan	Agensi Melaksana	Agensi Memantau	Agensi Sokongan
ii. Menggalakkan Amalan Bangunan Mampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia</li> <li>Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>Sustainable Energy Development Authority of Malaysia</li> </ul>
iii. Menggalakkan Penggunaan Kenderaan Rendah Karbon Dalam Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Malaysian Green Technology Corporation</li> <li>Sustainable Energy Development Authority of Malaysia</li> </ul>
IB3.5	Menggalakkan Pembangunan Infrastruktur Berdaya Tahan Terhadap Bencana		
i. Mempergiatkan Pelaburan Dan Pembangunan dalam Pengurangan Risiko Bencana untuk Berdaya Tahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim</li> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>
ii. Meningkatkan Kesediaan Bencana Untuk Bertindak Balas Yang Berkesan dan Mengamalkan Prinsip Membangun Semula Lebih Baik ( <i>Build Back Better</i> ) dalam Pemulihan, Pemulihan dan Pembinaan Semula.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri</li> <li>Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli</li> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim</li> <li>Majlis Keselamatan Negara</li> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Selangor</li> </ul>

## 5. WKN Dalam Sistem Urus Tadbir Sedia Ada

Struktur tadbir urus yang telah sedia wujud sebenarnya dapat membantu mana-mana bentuk organisasi yang akan dibentuk untuk menyelaraskan, memandu dan memudahcara perancangan dan pelaksanaan pembangunan di WKN.

Dalam bentuk yang mudah, Jawatankuasa Perancangan Wilayah adalah yang paling sesuai dibentuk dengan adanya peruntukan di bawah Akta 172. Walau bagaimanapun, fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa ini perlu ditambah baik bagi melaksanakan perkongsian bersama dalam perancangan dan pembangunan fizikal, ekonomi, sumber serta penghantaran perkhidmatan.

Peranan WKN perlu lebih berfokus kepada penyelarasan rancangan pembangunan, penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan agenda strategik, bersepadu dan khusus ke arah wilayah mampan dan berdaya saing. Sementara itu, jawatankuasa atau lain-lain bentuk organisasi yang menyelaraskan WKN perlu peka dengan peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang kekal dengan penggubalan undang-undang, penggubalan polisi, pembiayaan projek serta pelaksanaan projek-projek.

Struktur tadbir urus yang telah sedia wujud sebenarnya dapat membantu mana-mana bentuk organisasi yang akan dibentuk untuk menyelaraskan, memandu dan memudahcara perancangan dan pelaksanaan pembangunan di WKN. Dalam bentuk yang mudah, Jawatankuasa Perancangan Wilayah adalah yang paling sesuai dibentuk dengan adanya peruntukan di bawah Akta 172. Walau bagaimanapun, fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa ini perlu ditambah baik bagi melaksanakan

perkongsian bersama dalam perancangan dan pembangunan fizikal, ekonomi, sumber serta penghantaran perkhidmatan.

Peranan WKN perlu lebih berfokus kepada penyelarasan rancangan pembangunan, penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan agenda strategik, bersepadu dan khusus ke arah wilayah mampan dan berdaya saing. Sementara itu, jawatankuasa atau lain-lain bentuk organisasi yang menyelaraskan WKN perlu peka dengan peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang kekal dengan penggubalan undang-undang, penggubalan polisi, pembiayaan projek serta pelaksanaan projek-projek.

Penyelarasan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa atau organisasi WKN boleh menggunakan pakai instrumen-instrumen urus tadbir dan bidang kuasa Majlis-Majlis yang ditubuhkan di peringkat nasional oleh peruntukan akta dan Jemaah Menteri untuk menyelaraskan bidang masing-masing.

Rajah 7.2 menunjukkan bahawa cadangan-cadangan Laporan WKN yang dibahagi mengikut lima (5) aspek yang memerlukan rangka kerja konurbasi wilayah boleh diurus tadbir oleh Jawatankuasa atau organisasi WKN dengan menggunakan instrumen urus tadbir sedia ada. Pembentukan jawatankuasa WKN adalah digalakkan kerana ia mudah dilaksanakan dan disokong oleh struktur urus tadbir sedia ada.

Walaupun bagaimanapun, setelah WKN berkembang pesat dan matang dalam pentadbirannya, bentuk organisasi perlu berubah agar lebih dinamik dalam menangani cabaran masa depan termasuk mencapai kesejahteraan bandar dan kualiti hidup warga WKN.

MAJLIS-MAJLIS YANG MENYELARAS PERIHAL DASAR, PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN URUS TADBIR TANAH






<p>MAJLIS TINDAKAN EKONOMI NEGARA</p>	<p>Peruntukan Pengerusi Urusetia Fungsi</p>	<p>· Ditubuhkan bagi melicinkan jentera pentadbiran kerajaan (tiada peruntukan Akta) · Perdana Menteri Malaysia · Unit Perancang Ekonomi · Memantau dan menganalisis arah hala ekonomi negara da luar negara, menggubal strategi dan dasar ekonomi, pelaburan asing dan tempatan, kawalan inflasi, harga minyak dan komoditi, kawalan harga barang dan subsidi, jaringan keselamatan sosial, pelaksanaan dasar dan keputusan majlis</p>
<p>MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA</p>	<p>Peruntukan Pengerusi Urusetia Fungsi</p>	<p>· Ditubuhkan bagi melicinkan jentera pentadbiran kerajaan (tiada peruntukan Akta) · Perdana Menteri Malaysia · Ketua Pengarah PLANMalaysia · Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan · Majlis tertinggi bertanggungjawab terhadap perancangan bandar dan desa, menyelaras dasar dan aktiviti berkaitan perancangan dan memastikan penggunaan sumber dan pembangunan yang seimbang dan mampan.</p>
<p>MAJLIS TANAH NEGARA</p>	<p>Peruntukan Urusetia Fungsi</p>	<p>· Perlembagaan Persekutuan (Perkara 91) · Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar · Mentadbir dan membentuk dasar perihal tanahMenyelaras hal-hal tanah antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri</p>
<p>MAJLIS NEGARA KERAJAAN TEMPATAN</p>	<p>Peruntukan Pengerusi Urusetia Fungsi</p>	<p>· Perlembagaan Persekutuan (Perkara 95A) · Timbalan Perdana Menteri · Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan · Badan tertinggi yang menggubal dasar serta undang-undang bagi mengawal dan memajukan PBT dan kawasannya.</p>

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Berikut merupakan cadangan pembangunan masa hadapan mengikut lima (5) perkara perkongsian bersama yang memerlukan rangka kerja konurbasi wilayah:

Rajah 7.2 : Cadangan Pembangunan Masa Hadapan Mengikut Lima (5) Perkara Perkongsian Bersama Yang Memerlukan Rangka Kerja Konurbasi Wilayah

Lima (5) Perkara Perkongsian Bersama Yang Memerlukan Rangka Kerja WKN	Cadangan Pembangunan Masa Hadapan	Sistem Urus Tadbir Sedia Ada
<p>1. Perancangan Dan Pembangunan Strategik Dan Bersepadu Wilayah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Bandar Sebagai Penjana Ekonomi Utama</li> <li>• Kebergantungan Antara Bandar dan Sub-bandar</li> <li>• Integrasi Spatial, Fungsi Dan Kerjasama Di Antara Wilayah Bersempadanan</li> </ul>	
<p>2. Perkongsian Sumber</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Induk Cenral Forest Spine</li> <li>• Pengurusan Lembangan Sungai</li> <li>• Pengurusan Zon Pantai</li> </ul>	
<p>3. Pembangunan Ekonomi Wilayah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengwujudan Kluster Kecemerlangan</li> </ul>	
<p>4. Agenda Khusus Bersama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Infrastruktur Untuk Integrasi Global Dan Serantau</li> <li>• Pembangunan Infrastruktur Mampan dan Berdaya Tahan</li> </ul>	
<p>5. Penghantaran Perkhidmatan Bersama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan Kemudahan Perumahan, Kesihatan dan persekitaran bandar</li> <li>• Peningkatan Akses Kepada Perkhidmatan Infrastruktur</li> </ul>	

## 7.5 Cadangan Bentuk Jawatankuasa Wilayah Bagi WKN

WKN memerlukan satu bentuk institusi bagi menyelaras urus tadbir kawasan agar ianya lebih efisien, efektif dan menepati keperluan 10 juta penduduk menjelang tahun 2040. Dengan objektif untuk meningkatkan kesejahteraan bandar dan kualiti hidup warga konurbasi wilayah, satu jawatankuasa wilayah yang berbentuk organisasi tetap dicadangkan agar ianya dapat berfungsi sebagai satu hab wilayah bagi 12 pihak berkuasa tempatan yang terletak dalam pentadbiran dua (2) Negeri dan 10 daerah.

Tiga (3) fasa pembentukan (atau boleh dilihat sebagai opsyen) dicadangkan bagi wilayah ini dapat memberi kesan positif kepada perkembangan perancangan dan pembangunan wilayah bandar yang mampan pada jangka masa panjang (rujuk Jadual 7.2).

Pada peringkat awal atau fasa 1, satu Jawatankuasa Perancangan WKN perlu ditubuhkan untuk memastikan rancangan pemajuan WKN yang mementingkan aset bersama dan perkongsian bijak.


Penubuhan Jawatankuasa WKN adalah mengikut peruntukan dalam Seksyen 6A, (Akta 172). Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk memastikan pemakaian Pelan WKN oleh Kerajaan Negeri dan semua PBT melalui forum penerangan dan penyesuaian selain mewujudkan proses dan tatacara yang seragam untuk digunakan oleh Kerajaan Negeri dan PBT bagi memupuk struktur kerjasama dan penyelarasan untuk kepentingan dan kemakmuran bersama.

Dalam fasa 1, kumpulan kerja yang khusus boleh diwujudkan untuk bertindak mengikut sesuatu isu, topik atau mengikut projek yang memberi manfaat bersama.

Walaubagaimanapun Jawatankuasa Perancangan WKN yang diperuntukkan di bawah Akta 172 hanya sesuai untuk sementara waktu kerana tidak mempunyai bidang kuasa yang menyeluruh untuk terlibat dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan projek yang boleh memanfaatkan wilayah. Oleh itu, ia harus berubah bentuk dan berkembang menjadi institusi atau organisasi yang mempunyai fungsi yang menyeluruh.

Objektif Urus Tadbir WKN  
Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Bandar dan Kualiti Hidup Penduduk WKN

Tiga (3) Fasa Pembentukan Institusi Urus Tadbir Wilayah Konurbasi Nasional



Pada peringkat kedua atau fasa 2, Jawatankuasa Perancangan WKN masih wujud untuk meneruskan fungsi penyelarasan dan pemantauan pemakaian rancangan pemajuan dan keseragaman tatacara perancangan. Walau bagaimanapun, urus tadbir jawatankuasa WKN perlu melalui evolusi fungsi atau skop kerja serta perubahan struktur organisasi.

Dalam fasa ini, jawatankuasa kerja dalam sektor-sektor tertentu digalakkan berkembang menjadi konsortium dibawah peruntukan Akta Syarikat 2016 atau Akta Perkongsian 1961 (Akta 135) atau Akta Pemegang Amanah Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) bergantung kepada objektif penubuhan sama ada bermotif keuntungan, struktur kerjasama yang berperaturan atau berbentuk pemegang amanah.

Fungsi konsortium berkembang dari perancangan dan pemantauan menjadi pelaksana dan penyampai perkhidmatan. Pembentukan konsortium bagi membentuk kerjasama pelbagai agensi lebih mudah sekiranya terdapat penglibatan yayasan atau syarikat-syarikat kerajaan yang berkaitan dengan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang diberi mandat oleh pihak berkuasa untuk merancang, melaksana dan menyampai sesuatu perkhidmatan atau projek.

Jawatankuasa WKN dalam fasa ini terus wujud walaupun terdapat pembentukan konsortium-konsortium tertentu bagi menangani isu-isu serta penyampaian sektor tertentu. Jawatankuasa WKN hanya boleh dibubarkan dalam fasa ini sekiranya berlakunya pembentukan konsortium yang melibatkan kesemua PBT dalam WKN di bawah Akta Syarikat 2016 bagi mengambil alih fungsi Jawatankuasa WKN dan juga penambahan fungsi-fungsi lain yang melibatkan pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan. Pembentukan konsortium dikalangan PBT adalah bentuk tadbir urus yang amat digalakkan untuk menjadi "outcome" utama dalam fasa ini.

Peringkat akhir atau fasa 3, Pihak Berkuasa Wilayah ataupun satu Lembaga Pembangunan bagi Konurbasi Nasional boleh ditubuhkan melalui undang-undang khas yang diluluskan oleh parlimen untuk tujuan khusus yang perlu ditetapkan. Pihak Berkuasa atau Lembaga / Majlis Pembangunan ini akan beroperasi seperti sebuah entiti korporat bagi mencapai satu wilayah yang berdaya maju dan berdaya tahan.

Jadual 7.2: Tiga (3) Fasa Pembentukan Institusi Urus Tadbir Wilayah Konurbasi Nasional

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

Fasa 1 : Jawatankuasa Perancangan WKN	
1. Bentuk Jawatankuasa	Satu entiti yang tidak tetap – dalam bentuk jawatankuasa yang berfungsi sebagai satu kumpulan kerja untuk bertindak dan juga sebagai platform perundingan bagi perkara-perkara yang di kongsi bersama.
2. Keahlian	Kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Pihak Berkuasa Negeri
3. Tempoh dan Jenis	Jangka pendek dan tidak tetap
4. Fungsi	Penyelarasan isu-isu yang dikongsi bersama. Merunding mana-mana perkara yang memerlukan keputusan bersama.
Fasa 2 : Organisasi /Konsortium WKN	
1. Bentuk Jawatankuasa	Satu entiti yang ditubuhkan sebagai konsortium atau persatuan antara semua pihak berkuasa tempatan
2. Keahlian	12 Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana antara 12 Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya perlu
3. Tempoh dan Jenis	Sementara untuk Jangka masa yang ditetapkan/terhad atau tetap
4. Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk tujuan perancangan wilayah atau bagi kawasan bersama konsortium/ persatuan; dan / atau</li> <li>• Untuk penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh atau bagi sektor tertentu seperti pengurusan sampah;</li> <li>• Untuk penggunaan sumber yang lebih baik bersama dan / atau</li> <li>• Untuk mana mana agenda yang memberi manfaat bersama termasuklah untuk mencapai skala ekonomi yang lebih efektif bagi mana- mana pembangunan infrastruktur dan sebagainya;</li> <li>• Sebagai platform perundingan isu-isu sempadan dan sebagainya; dan</li> <li>• Untuk kerjasama bagi mana-mana projek khusus</li> </ul>
Fasa 3 : Pihak Berkuasa / Lembaga Pembangunan WKN	
1. Bentuk Jawatankuasa	Satu entiti korporat yang ditubuhkan berlandaskan rang undang-undang khas
2. Keahlian	12 Pihak Berkuasa Tempatan
3. Tempoh dan Jenis	Tetap untuk Jangka masa panjang / Sementara untuk jangka masa yang terhad
4. Fungsi	<p>Boleh di tubuhkan khusus :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk tujuan perancangan wilayah sahaja dan membuat penggunaan sumber bersama lebih efisien, dan / atau</li> <li>• Untuk penyampaian perkhidmatan dan/atau</li> <li>• Untuk satu / lebih sektor tunggal seperti pengangkutan atau untuk pelbagai sektor termasuklah alam sekitar, pelancongan dan sebagainya</li> <li>• Mempunyai kuasa nasihat, atau kuasa membuat keputusan bagi sektor tertentu atau membuat keputusan yang perlu disahkan oleh setiap Majlis Kerajaan Tempatan</li> </ul>

## Penanda Aras Urus Tadbir

Struktur tadbir urus di kawasan konurbasi di peringkat global boleh diaplikasikan bagi memastikan pentadbiran yang berkesan.

### 1 Baltimore-Washington Metropolitan Area

 10.07 juta (2007)  32,708 km<sup>2</sup>

- 5 negeri: District of Columbia, Maryland, Virginia, Pennsylvania & West Virginia
- 40 daerah

Fungsi:  
Washington DC



Baltimore




- Organisasi wilayah-Metropolitan Washington Council of Governments
- MWCOG mewakili 23 kerajaan tempatan di Washington, wakil negeri, *US Senate & US House of Representatives*
- MWCOG menyediakan forum untuk membincangkan isu pembangunan & perbandaran
- *Baltimore Metropolitan Council* menggantikan *Regional Planning Council & Baltimore Regional Council*
- Diwakili eksekutif yang dilantik dari setiap council

### 2 Greater Boston

 46.00 juta (2011)  58,332 km<sup>2</sup>

- 4 negeri: Massachusetts, Rhode Island, New Hampshire, Connecticut
- 12 daerah

Fungsi:  
Greater Boston




Massachusetts



Rhode Island



New Hampshire



Connecticut



- *Greater Boston Federal Executive Board (GBFEB)* – mewakili 150 agensi persekutuan
- 21 wakil *Board of Directors* dilantik setiap tahun
- Bersidang setiap bulan untuk membincangkan isu, polisi, fokus, koordinasi antara agensi, tindakan serta inisiatif wilayah GB

### 3 National Capital Region (India)

 46.00 juta (2011)  58,332 km<sup>2</sup>

- 4 negeri: Delhi, Haryana, Rajasthan, Uttar Pradesh
- 22 daerah

Fungsi:

Delhi



Haryana



Rajasthan



Uttar Pradesh



- *National Capital Region Planning Board*
- 19 ahli dipengerusikan oleh *Union Minister for Urban Development*
- Menyediakan Pelan Wilayah & Functional Plans
- Mengaturkan penyediaan Sub-regional Plans & Pelan Projek bagi negeri & kawasan terlibat
- Memastikan progres yang sistematik & menyelia pembiayaan projek

### 4 Bangkok Metropolitan Region

 46.00 juta (2011)  58,332 km<sup>2</sup>

- 5 province: Bangkok, Nakhon Pathom, Pathum Thani, Nonthaburi, Samut Prakan & Samut Sakhon
- 74 majlis perbandaran

Fungsi:  
Bangkok



Nakhon Pathom



Pathum Thani & Nonthaburi



Samut Prakan & Samut Sakhon




- Organisasi khusus kerajaan tempatan: *Bangkok Metropolitan Administration (BMA)* di bawah gabenor
- Projek utama perlu mendapat kelulusan kabinet nasional dari Majlis BMA
- Setiap daerah mempunyai pentadbiran sendiri & wakil di Majlis BMA
- Pelan di peringkat daerah akan dibawa ke Majlis BMA bagi memastikan penyelarasan dengan Bangkok Metropolitan Regional Plan untuk kelulusan



## Fasa 1: Cadangan Struktur Jawatankuasa Perancangan WKN

Jawatankuasa Perancangan WKN adalah struktur urus tadbir pertama yang perlu ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa, Akta 172 bagi melaksanakan fungsi-fungsi perancangan, pembentukan tatacara proses perancangan dan pemantauan

pembangunan aset bersama. Fungsi yang paling penting adalah rundingan dan nasihat agar semua kerajaan Negeri dan PBT dapat bekerjasama dan bersepakat dalam merancang, melaksanakan dan menyampai perkhidmatan ke arah kemakmuran dan kemampuan aset bersama.



### BIDANG / FOKUS JAWATANKUASA PERANCANGAN WKN

Penyelarasan dan Pelaksanaan dalam tujuh (7) Perkara Utama yang boleh diadakan Kumpulan Kerja Khusus dengan melibatkan agensi dan jabatan teknikal yang berkaitan


- Perancangan Guna Tanah dan Kawasan Bersempadan;
- Aset Alam Sekitar – Lembangan Sungai, Pesisir Pantai dan Hutan, Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Konservasi Alam Sekitar;
- Aspek Perubahan Iklim;
- Kluster Pelancongan;
- Rangkaian Infrastruktur Pengangkutan dan Mobiliti – Rel, BRT dan sebagainya;
- Sumber Air dan Kualiti Air; dan
- Sisa Pepejal.

Dalam melaksanakan urus tadbir yang lebih berkesan, jawatankuasa kerja boleh ditubuhkan oleh jawatankuasa Perancangan WKN bagi menyelaraskan dengan terperinci bidang yang menjadi fokus Jawatankuasa perancangan WKN seperti perancangan guna tanah dan kawasan bersempadan, pembangunan

bandar sebagai penjana ekonomi, aset alam sekitar, kawasan konservasi alam sekitar, aspek perubahan iklim, kluster pelancongan, rangkaian pengangkutan awam dan sebagainya.

Bagi memastikan kesinambungan urus tadbir, beberapa wakil Jawatankuasa WKN perlu menjadi ahli tetap Jawatankuasa Kerja yang dibentuk.

### Pembentukan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja



Jawatankuasa Induk dianggotai oleh keahlian yang pelbagai tahap. Ia juga akan membincangkan secara menyeluruh perkara - perkara yang telah dikenal pasti sebagai isu/agenda bersama.

Pembentukan Jawatankuasa Kerja boleh dibuat oleh Jawatankuasa Induk. Jumlah dan fokus Jawatankuasa Kerja adalah bergantung kepada agenda yang memerlukan pengkhususan dan perhatian teliti. Pembentukan juga boleh disebabkan keperluan untuk memantau mana-mana projek bersama.



JAWATANKUASA KERJA LEMBANGAN SUNGAI	JAWATANKUASA KERJA RANGKAIAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN REL DLL	JAWATANKUASA KERJA KLUSTER PELANCONGAN	JAWATANKUASA KERJA SUMBER DAN KUALITI AIR
PENGERUSI	PENGERUSI	PENGERUSI	PENGERUSI
AGENSI PERSEKUTUAN <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar</li> <li>Jabatan Pengairan dan Saliran</li> <li>PLANMalaysia</li> <li>Jabatan Alam Sekitar Malaysia</li> </ul>	AGENSI PERSEKUTUAN <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pengangkutan</li> <li>Kementerian Wilayah</li> <li>PLANMalaysia</li> <li>Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>Perbadanan Aset Keretapi</li> <li>Jab Kerja Raya Malaysia</li> </ul>	AGENSI PERSEKUTUAN <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pelancongan &amp; Kebudayaan Malaysia</li> <li>Unit Perancang Ekonomi</li> <li>Malaysian Exhibition &amp; Convention Bureau- MyCEB</li> <li>Tourism Malaysia</li> <li>PLANMalaysia</li> <li>Jab Pengangkutan Jalan</li> </ul>	AGENSI PERSEKUTUAN <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim</li> <li>Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar</li> <li>Jabatan Bekalan Air</li> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> </ul>
AGENSI NEGERI <ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Negeri Selangor</li> <li>Jab Pengairan dan Saliran Negeri Selangor</li> <li>Jab Alam Sekitar Negeri</li> </ul>	AGENSI NEGERI <ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Negeri Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>Jab Kerja Raya Negeri</li> </ul>	AGENSI NEGERI <ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Negeri Selangor</li> <li>Jab Pelancongan Negeri Selangor</li> <li>Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor</li> </ul>	AGENSI NEGERI <ul style="list-style-type: none"> <li>PLANMalaysia@Negeri Selangor</li> <li>Syarikat Air Selangor</li> <li>Lembaga Urus Air Selangor</li> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>11 Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Pihak Swasta</li> <li>Pihak Komuniti, NGO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Pihak Swasta</li> <li>Pihak Komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Pihak Swasta</li> <li>Pihak Komuniti</li> <li>Persatuan Pelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>Pihak Swasta</li> <li>Pihak Komuniti</li> <li>NGO</li> </ul>

Sumber: Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

## Fasa 2: Cadangan Struktur Organisasi / Konsortium WKN

Konsortium WKN adalah evolusi struktur urus tadbir WKN yang memasuki fasa kedua dimana fungsi dan bidang kuasa Jawatankuasa Perancangan WKN berkembang bagi mengambil tanggungjawab pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan yang melibatkan aset bersama.

Struktur urus tadbir yang perlu dicapai adalah pembentukan konsortium yang diwakili oleh semua 11 PBT dalam WKN bagi mengambil alih fungsi Jawatankuasa Perancangan WKN. Kesemua wakil PBT

akan menjadi Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Eksekutif Konsortium.

Sekiranya struktur urus tadbir ini tidak dicapai, Jawatankuasa Perancangan WKN perlu wujud bagi meneruskan tanggungjawab merancang dan menyelaras kepentingan aset bersama. Dalam masa yang sama, Jawatankuasa Kerja mengikut sektor, bidang fokus dan isu digalakkan untuk berkembang menjadi konsortium bagi memperluaskan bidang kuasa dari merancang dan menyelaras kepada pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan untuk pembangunan dan kemampuan aset bersama.

KONSORTIUM PIHAK BERKUASA TEMPATAN WKN	KONSORTIUM LEMBANGAN SUNGAI KLANG WKN	KONSORTIUM PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN WTE WKN
<p>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Perbadanan Putrajaya</p> <p>Majlis Bandaraya Shah Alam Majlis Bandaraya Petaling Jaya</p> <p>Majlis Perbandaran Klang Majlis Perbandaran Subang Jaya Majlis Perbandaran Sepang Majlis Perbandaran Ampang Jaya Majlis Perbandaran Selayang Majlis Perbandaran Kajang Majlis Daerah Kuala Langat</p>	<p>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</p> <p>Majlis Bandaraya Shah Alam Majlis Bandaraya Petaling Jaya</p> <p>Majlis Perbandaran Klang Majlis Perbandaran Subang Jaya Majlis Perbandaran Sepang Majlis Perbandaran Ampang Jaya Majlis Perbandaran Selayang</p> <p>Lembaga Urus Air Selangor</p>	<p>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Perbadanan Putrajaya</p> <p>Majlis Bandaraya Shah Alam Majlis Bandaraya Petaling Jaya</p> <p>Majlis Perbandaran Klang Majlis Perbandaran Subang Jaya Majlis Perbandaran Sepang Majlis Perbandaran Ampang Jaya Majlis Perbandaran Selayang Majlis Perbandaran Kajang</p>

Konsortium 11 PBT ditubuhkan bagi WKN – ini adalah satu langkah yang baik bagi mencapai objektif keseluruhan bagi WKN.

Konsortium semua PBT WKN boleh memainkan peranan untuk merancang gunatanah pembangunan bagi kawasan wilayah.

Konsortium juga boleh ditubuhkan mengikut agenda yang khusus dimana agensi lain juga boleh di libatkan bersama.

Berbeza dari Jawatankuasa Kerja, Konsortium bertanggungjawab keatas perancangan, pelaksanaan dan juga memantauan projek bersama.

Konsortium juga boleh ditubuhkan mengikut agenda yang khusus tetapi melibatkan semua atau majoriti daripada PBT.


Contohnya – Satu Konsortium Pengurusan Sisa Pepejal ditubuhkan bagi mengatasi masalah alam sekitar dan juga bagi mencapai satu skala ekonomi yang lebih baik dimana sisa ini akan ditukar menjadi sumber tenaga melalui proses 'waste to energy'.



### Fasa 3: Cadangan Struktur Pihak Berkuasa / Lembaga Pembangunan WKN

Struktur urus tadbir Pihak Berkuasa Berkuasa / Lembaga Pembangunan WKN akan di tubuhkan melalui undang-undang khas untuk penubuhannya.

Rajah 7.3: Struktur Pihak Berkuasa / Lembaga Pembangunan WKN  
 Sumber: Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



#### BIDANG / FOKUS PIHAK BERKUASA/LEMBAGA PEMBANGUNAN WKN

- Perancangan WKN – Perancangan strategik dan perancangan pembangunan tanah wilayah yang menyelaras perancangan guna tanah kawasan dalam wilayah persekutuan dan dalam 11 kawasan pihak berkuasa tempatan.

#### PENGURUSAN, PENYELARASAN DAN PELAKSANAAN PROJEK DALAM ENAM (6) BIDANG UTAMA

- Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- Pembangunan Ekonomi;
- Rangkaian Infrastruktur Pengangkutan dan Mobiliti;
- Sumber Air dan Tenaga;
- Infrastruktur; dan
- Perumahan Mampu Milik dan Pembangunan Sosial.

## 7.6 Kesimpulan

Matlamat SDGs dan NUA harus dijadikan visi bersama bagi semua pihak berkepentingan termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi yang terlibat dalam pembangunan, perancangan dan pengurusan bandar di WKN masa hadapan. Usaha ini adalah penting bagi mencapai pembangunan bandar mampan serta meningkatkan kesamarataan, kebajikan dan kemakmuran bersama di WKN.

Selain itu, WKN harus menekankan sistem tadbir urus melalui perkongsian pintar di antara PBT, Pihak Berkuasa Negeri serta syarikat-syarikat Kerajaan Negeri mengikut bidang kuasa serta akta penubuhan masing-masing dapat memastikan pertumbuhan mampan dan kemakmuran bersama dicapai.

Aspek komponen bersama perlu ditekankan dalam pengurusan WKN yang bersifat merentasi sempadan pentadbiran yang berbeza di dalam WKN (Rujuk Bab 2 dan Rajah 2.2). Secara tidak langsung, institusi pentadbiran dapat diperkukuh melalui perubahan struktur dan pertukaran kemahiran serta mewujudkan strategi pengurusan dan pembangunan lestari pada jangka masa panjang.

Oleh itu, satu bentuk institusi bagi menyelaraskan tadbir urus wilayah yang lebih efisien dan efektif harus dilaksanakan. Berdasarkan Bab 7, komitmen WKN dalam pembentukan institusi tadbir urus wilayah adalah melalui tiga (3) fasa seperti berikut:

- Fasa 1: Jawatankuasa Perancangan Wilayah Konurbasi Nasional;
- Fasa 2: Organisasi/Konsortium Wilayah Konurbasi Nasional; dan
- Fasa 3: Pihak Berkuasa/Lembaga Pembangunan Wilayah Konurbasi Nasional.

Melalui pembentukan institusi tersebut, WKN adalah lebih berdaya saing terhadap perubahan dan cabaran masa hadapan serta membentuk sistem tadbir urus yang lebih efisien dan mempunyai satu matlamat bersama bagi meningkatkan kesejahteraan bandar dan kualiti hidup Wilayah Konurbasi Nasional.